



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3/1981

Tuan,

PERSARAAN SECARA PILIHAN SENDIRI

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan supaya pegawai-pegawai yang hendak bersara secara pilihan sendiri dikehendaki melaporkan harta yang dimiliki oleh mereka pada masa mereka membuat permohonan untuk bersara secara pilihan sendiri itu dan mengemukakan laporan itu bersama-sama dengan permohonan mereka.

2. Bagi maksud laporan yang dikehendaki dibuat itu, harta adalah ditakrifkan sebagai bermakna segala harta yang disenaraikan dalam [Lampiran "A"](#) yang dikembarkan bersama-sama ini yang dimiliki oleh pegawai yang berkenaan, isteri atau suaminya, anak-anak dan anggota keluarga di bawah tanggungan mereka.
3. Mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini, permohonan-permohonan untuk bersara secara pilihan sendiri hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada enam bulan sebelum tarikh pegawai-pegawai yang berkenaan itu bercadang hendak bersara. Pegawai-pegawai yang telah mengemukakan permohonan mereka untuk bersara secara pilihan sendiri sebelum Surat Pekeliling ini dikeluarkan hendaklah juga mengemukakan laporan mengenai harta yang tersebut di atas itu dengan segera supaya pertimbangan terhadap permohonan mereka tiada tergendala.
4. Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan adalah diminta memastikan bahawa keputusan Kerajaan yang terkandung dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi oleh sernua pegawai dan kakitangan yang bercadang hendak bersara secara pilihan sendiri. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian juga adalah diminta menyampaikan keputusan tersebut itu kepada Badan-badan Berkanun di bawah pentadbiran Kementeriannya dan meminta pegawai-pegawai dan kakitangan Badan-badan itu juga mematuhi arahan yang diputuskan oleh Kerajaan itu.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN ABU HASSAN)
Pengarah Bahagian Pencen,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

13hb Oktober, 1981.

Ketua Setiausaha Negara,
Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

PENETAPAN HARTA DI BAWAH PERINTAH AM 8 (5)
PERINTAH - PERINTAH AM PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (BAB "D") 1980

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Perintah Am 8 (5) [Perintah-perintah Am Pegawai Awam \(Kelakuan dan Tatatertib\) \(Bab "D"\) 1980](#), saya dengan ini menetapkan bahawa bagi maksud Perintah Am 8 (1) dan 8 (2) kepada Perintah Am tersebut, "harta" sama ada di dalam atau di luar Malaysia ertinya:

- (1) tanah, termasuk tanah yang diduduki atas lesen pendudukan sementara;
- (2) rumah atau rumah pangsa;
- (3) bangunan termasuk rumah kedai, ruang kedai, ruang pejabat atau warong;
- (4) syer, saham, debentur, bon atau sekuriti lain;
- (5) pendapatan yang diperolehi daripada penjualan hasil pertanian yang diusahakan atau binatang ternakan, bagi maksud perdagangan;
- (6) apa jua jenis lesen tred, perniagaan atau perdagangan;
- (7) lain-lain harta alih (termasuk barang-barang kemas) yang jumlah nilai semasa tiap-tiap satunya atau jumlah nilai bagi tiap-tiap satu kumpulan butiran yang sama itu adalah melebihi enam bulan gaji (tidak termasuk semua elaun), atau lima ribu ringgit yang mana lebih rendah;
- (8) bagi maksud Perintah Am 8(1), wang tunai di mana juga dideposit atau disimpan;
- (9) bagi maksud Perintah Am 8 (2), wang tunai yang diperolehi dari lain-lain sumber selain daripada Kerajaan;
- (10) bagi maksud Perintah Am 8 (2), mana-mana kenderaan bermotor yang diperolehi tanpa pinjaman Kerajaan, jika harga kenderaan itu melebihi 6 bulan gaji (tidak termasuk semua elaun) pada masa pembelian dibuat.

(TAN SRI OSMAN S CASSIM)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*